

Cukai: Malaysia -Korea capai persetujuan

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia dan Korea Selatan akan menandatangani perjanjian mengelak cukai berganda tidak lama lagi, kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali, hari ini.

Katanya, perjanjian itu akan ditandatangani di sini pada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Tan Sri Zakaria memberitahu pemberita demikian ketika memberi

taklimat mengenai perjumpaan 2½ jam antara Presiden Korca Selatan, Tun Chun Doo Hwan dan rombongannya dengan rombongan Malaysia yang dipimpin oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini.

Keselamatan

Beliau berkata, dua perjumpaan berasingan diadakan pagi ini. Satu ialah pertemuan antara Presiden Chun dengan Datuk Seri Dr. Mahathir manakala yang satu lagi ialah antara Timbalan Perdana Menteri Korea, Enck Chin Byong Hyun

dan Menteri-menteri Malaysia yang dipimpin oleh Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen.

Katanya pertemuan antara Presiden Chun dengan Datuk Seri Dr. Mahathir berpusat kepada keadaan politik, ekonomi dan keselamatan di rantau-rantau timur laut dan Tenggara Asia.

Presiden Chun memberi pandangannya mengenai keadaan keselamatan di Timur Laut Asia yang Korea adalah sebahagian darinya.

Presiden itu menjelaskan, keamanan di Timur Laut Asia ada kaitan dengan keamanan di Asia Tenggara dan keamanan dan kestabilan kedua-dua rantau itu adalah saling bergantung.

Datuk Seri Dr. Mahathir menerangkan kepada presiden itu tentang peranan Malaysia bersama-sama dengan rakan-rakannya dalam Asean dalam mencari penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea.

Timbalan Perdana Menteri juga melahirkan harapan agar persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang bakal diadakan di New York 15 Julai ini akan merintis jalan kepada penyelesaian politik terhadap masalah tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia